

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: KONVENSYEN CUEPACS YANG KE-19

TEMPAT: DEWAN SAN CHOON, WISMA MCA, JALAN AMPANG, K.L

TARIKH: 22 JUN 1992

MASA:

(Teks dibaca oleh Dato' Lim Ah Lek, Menteri Sumber Manusia)
Yang Amat Berhormat Perdana Menteri minta saya menyampaikan salam hormat dan perasaan dukacitanya kerana tidak dapat bersama dengan tuan-tuan dan puan-puan pagi ini di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Yang Amat Berhormat minta saya menyampaikan ucapannya di pagi ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Saya mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di dalam Perkhidmatan Awam atau CUEPACS kerana menjemput saya berucap dan seterusnya merasmikan Konvensyennya yang ke-19. Saya percaya banyak perkara akan dibincangkan oleh ahli-ahli dan diharapkan Konvensyen ini akan dapat melahirkan rumusan-rumusan yang bermanfaat bukan sahaja kepada CUEPACS khususnya tetapi juga kepada perkhidmatan awam amnya.

3. Kerajaan menghargai peranan yang dimainkan oleh CUEPACS. Di samping menjaga dan memperjuangkan kepentingan ahli-ahlinya, CUEPACS juga telah membantu mengekalkan perhubungan perusahaan yang baik dengan pihak Kerajaan. Saya gembira kerana CUEPACS telah dapat menyelesaikan sebarang masalah melalui perundingan dan bersedia bertolak-ansur dalam menyelesaikan berbagai-bagai isu.

4. Saya juga gembira bahawa kepimpinan CUEPACS terdiri daripada mereka yang bertanggungjawab, matang, berpatutan, tidak ekstrim dan sensitif terhadap kepentingan negara. Kepimpinan semacam ini tidak bermakna kepimpinan CUEPACS tidak berkesan, kerana CUEPACS telah membuktikan bahawa banyak perkara berhubung dengan hak dan kepentingan kakitangan dalam perkhidmatan awam telah dapat diselesaikan dengan baik tanpa sikap konfrantasi.

5. Bagaimanapun, saya merasa amat dukacita kerana ada segelintir pemimpin kesatuan sekerja yang tidak bertanggungjawab serta lebih mementingkan diri sendiri daripada nasib kaum pekerja. Pemimpin-pemimpin ini lebih berminat bermain politik sehingga sanggup mengenyepikan kepentingan negara asalkan matlamat peribadi mereka tercapai. Justeru itu, mereka sanggup menabur fitnah memburuk-burukkan negara sendiri di kalangan kesatuan sekerja antarabangsa. Mereka tidak menghiraukan sama ada

tindakan mereka akan menjejaskan ekonomi negara atau nasib kaum pekerja Malaysia.

6. Justeru itu, sudah tiba masanya bagi ahli-ahli kesatuan sekerja di negara ini mengkaji tindakan tidak bertanggungjawab segelintir pemimpin-pemimpin mereka. Mereka tidak harus membiarkan pemimpin-pemimpin ini memburukkan imej negara semata-mata kerana pemimpin-pemimpin berkenaan mempunyai matlamat peribadi. Hanya pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab, bebas daripada pengaruh politik dan tidak mementingkan diri sendiri sahaja yang patut dilantik memimpin kesatuan-kesatuan sekerja.

7. Para pekerja juga harus berhati-hati terhadap anasir-anasir yang ingin melihat Malaysia gagal dalam usahanya menjadi sebuah negara maju. Kejayaan Malaysia di dalam bidang ekonomi, terutama sektor pembuatan, bukan sahaja telah mengkagumkan banyak negara, tetapi juga mungkin menimbulkan rasa iri hati di kalangan sesetengah pihak. Ini kerana Malaysia kini dilihat sebagai sebuah negara pesaing yang boleh mengancam lain-lain negara dalam merebut pasaran dunia. Sebagai pesaing bagi banyak keluaran, sudah tentu ada pihak yang tidak mahu melihat kita berjaya. Pihak-pihak ini akan menggunakan apa jua helah untuk menggagalkan cita-cita kita ingin terus maju.

8. Dalam usaha kita mencapai Wawasan 2020, kesatuan sekerja mempunyai peranan yang penting. Kesatuan sekerja boleh membantu negara menjadi sebuah negara maju dengan menentukan iklim pelaburan Malaysia yang menggalakkan tetap terpelihara. Ini boleh dilakukan dengan mengekal serta meningkatkan lagi keharmonian perusahaan di kalangan pekerja-pekerja kita. Di samping itu, kesatuan sekerja juga boleh membantu meninggikan lagi kecekapan dan produktiviti para pekerja negara ini. Saya yakin ini akan tercapai jika para pekerja kita sentiasa berdisiplin, berusaha gigih dan amanah.

9. Walaupun ahli-ahli CUEPACS terdiri daripada mereka yang berkhidmat di sektor awam, ini tidak bermakna peranan mereka kurang penting daripada pekerja di sektor swasta. Ini ialah kerana sektor awam yang lemah yang disebabkan oleh kakitangan awam yang kurang cekap, kurang disiplin dan kurang produktif akan juga memberi kesan buruk kepada iklim pelaburan negara. Justeru itu, peranan yang dimainkan oleh ahli-ahli CUEPACS ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju adalah sama penting dengan pekerja-pekerja di sektor swasta.

10. Kerajaan memberi perhatian berat kepada meninggikan produktiviti dan mutu perkhidmatan sektor awam. Dalam hal ini adalah diharapkan CUEPACS akan sentiasa memberi sokongan terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kecekapan, produktiviti dan mutu perkhidmatan awam. Usaha-usaha ke arah mencapai matlamat ini perlu terus digalakkan demi untuk kecemerlangan sektor awam.

11. Masanya sudah sampai bagi kesatuan sekerja mengkaji semula objektif-objektifnya selain daripada isu periuk nasi. Selaras dengan perkembangan dan kemajuan di semua aspek maka adalah sesuai bagi kesatuan sekerja menumpukan perhatian terhadap peningkatan taraf ahlinya daripada segi kemajuan sosial, peningkatan pemikiran dan pengetahuan. Dalam hal ini pihak kesatuan hendaklah memberi pendidikan mengenai aspek-aspek yang lain seperti ekonomi, produktiviti, kualiti, kepenggunaan, alam sekitar dan sebagainya.

12. Kita tidak mahu kaum pekerja di Malaysia ketinggalan dalam pemahaman aspek-aspek seperti ini yang penting dalam usaha untuk membawa negara mencapai taraf kemajuan terutama dalam perindustrian yang tinggi. Malahan, aspek-aspek ini terutama sekali alam sekitar, ekonomi pasaran dan kepenggunaan akan menjadi semakin penting dan akan mempengaruhi perkembangan pembangunan dan kemajuan sesebuah negara di tahun-tahun terakhir abad ini dan abad ke-21.

13. Sebagai contoh, soal alam sekitar telah menjadi isu sejagat yang amat penting hingga satu persidangan dunia mengenainya diadakan di Rio de Janeiro, Brazil, baru-baru ini untuk memutuskan bagaimana hendak menyelamatkan bumi ini daripada kerosakan dan malapetaka. Istilah-istilah atau ungkapan-ungkapan seperti "global warming", "bio-diversity", "common heritage", "sustainable development", "climate change" dan sebagainya semakin menjadi bahan bualan semenjak beberapa tahun lalu. Justeru itu, amatlah penting kaum pekerja di Malaysia mengikuti perkembangan yang berlaku di sekeliling mereka yang boleh memberi kesan baik atau buruk terhadap pembangunan negara.

14. Begitu juga dalam soal pasaran bebas dalam ekonomi dunia. Pasaran bebas dunia kini terancam dengan adanya usaha oleh negara-negara utara dan maju hendak mengadakan pakatan untuk menyekat kemajuan ekonomi dunia ketiga dan negara-negara membangun termasuk Malaysia. Mereka berbuat demikian kerana bimbang dan tidak mahu melihat negara-negara membangun yang sudah mulai hendak bergerak ke hadapan bersaing dan mengatasi mereka. Oleh itu, kaum pekerja hendaklah mengenali perkembangan seperti ini kerana jika ianya berlaku ekonomi negara yang banyak bergantung kepada pasaran luar akan terjejas. Dan seterusnya pendapatan negara akan berkurangan dan kedudukan kewangan negara akan turut terancam. Dengan ini pendapatan pekerja, baik sektor awam atau swasta, tidak mungkin meningkat.

15. Aspek-aspek lain seperti produktiviti dan kualiti yang memang sudah ditekankan oleh Kerajaan semenjak dahulu lagi dalam usahanya meningkatkan kecekapan jentera pentadbiran awam hendaklah diperdalami dan dihalusi lagi oleh kaum pekerja. Ini kerana produktiviti dan kualiti bukan sahaja setakat menyelesaikan tugas mengikut jadual atau menghasilkan kerja yang lebih banyak pada masa yang singkat atau mengelakkan pembaziran. Ia adalah lebih daripada itu.

16. Kaum pekerja hendaklah juga peka dengan aspirasi dan

harapan rakyat. Kehendak dan keinginan rakyat kini bukan sahaja berbeza tetapi juga kian meningkat. Mereka tidak mudah menerima sesuatu itu tanpa soalan. Ini menunjukkan penduduk Malaysia berkemampuan membuat keputusan sendiri, lebih berani, berdikari dan bijak.

17. Inilah yang harus difahami oleh kaum pekerja terutamanya yang berhubungan atau berurusan langsung dengan rakyat. Rakyat tidak boleh dipermain-mainkan dan hendaklah dilayani dengan baik, penuh mesra dan segera. Perhubungan pekerja-pekerja di dalam perkhidmatan awam dengan rakyat hendaklah sentiasa erat dan terus dipupuk agar usaha pembangunan Kerajaan demi faedah rakyat juga dapat berjalan lancar.

18. Bagaimanapun, saya merasa agak dukacita kerana masih ada segelintir pekerja awam yang tidak menjalankan tugas mereka dengan baik dan sempurna. Ini telah mengecewakan rakyat yang berurusan dengan mereka. Perkara ini jelas dapat dilihat melalui surat-surat yang ditulis oleh rakyat kepada akhbar-akhbar. Mereka kecewa kerana masalah mereka tidak dapat atau lewat diselesaikan atau tidak dipedulikan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

19. Ini termasuklah soal-soal jalan-jalan yang berlubang, bekalan air yang putus, pembuangan sampah, rawatan perubatan dan pengangkutan awam yang tidak memuaskan. Sekali pandang perkara-perkara seperti ini adalah remeh-temeh dan kurang penting. Tetapi, yang sebenarnya soal seperti inilah yang harus diutamakan kerana ianya menyentuh kehidupan rakyat.

20. Bayangkanlah, sekiranya rakyat di seluruh negara menghadapi masalah-masalah seperti yang disebutkan tadi. Tuan-tuan dan puan-puan fikirkanlah sendiri akibatnya jika masalah-masalah yang dianggap kecil ini terkena pada diri sendiri, kerana pekerja juga boleh menjadi pelanggan di masa dan tempat yang lain. Sepertimana kita tidak suka diberi layanan buruk, begitu juga kita harus jangan memberi layanan yang buruk kepada sesiapa.

21. Justeru itu, kaum pekerja hendaklah sentiasa peka dan sedar terhadap masalah-masalah yang dihadapi rakyat. Bagaimanakah kita hendak mengorak langkah lebih jauh sekiranya masalah-masalah seperti ini tidak diatasi bersungguh-sungguh dengan segera?

22. Inilah peranan yang harus dimainkan oleh pemimpin-pemimpin kaum pekerja. Sebagai pemimpin, mereka hendaklah membantu membentuk jentera Kerajaan atau struktur perkhidmatan awam yang mantap, melalui pekerja-pekerja yang komited, jujur, insaf, rajin dan mengutamakan rakyat dan negara dalam mencurahkan khidmat dan tugas mereka. Pemimpin dan kaum pekerja yang hanya mementingkan diri sendiri tidak mempunyai hak dan tempat untuk terus duduk dalam sektor perkhidmatan awam.

23. Kita mahu sektor perkhidmatan awam mendapat kepercayaan

dan dihormati oleh semua rakyat. Dan ini tidak boleh diperolehi dengan mudah atau begitu sahaja. Kaum pekerja sendiri kena berusaha kuat dan gigih untuk mendapatkan pengiktirafan daripada rakyat.

24. Mengenai imbuhan tahunan atau bonus di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) ia akan dilaksanakan oleh Kerajaan tetapi tertakluk kepada faktor pencapaian prestasi ekonomi negara serta kedudukan kewangan negara bagi tempoh yang berkenaan.

25. Dalam keadaan ekonomi yang turun-naik pembayaran imbuhan tahunan ini bukanlah suatu perkara yang tetap. Pembayaran berkait rapat dengan hasil pendapatan negara. Jika bayaran dibuat sebagai bayaran tetap maka ia merupakan gaji yang dibayar lewat. Ini bukanlah tujuan imbuhan tahunan. Ia tidak menjadi satu insentif bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan.

26. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada bakal Presiden CUEPACS yang baru Encik Mohamad Mat Jid yang telah dipilih untuk menerajui badan pekerja ini. Kepada Encik Mohamad Abas pula, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah di atas kejayaan beliau memimpin CUEPACS.

27. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada CUEPACS kerana menjemput saya ke Majlis ini. Saya percaya konvensyen ini akan mendatangkan manfaat kepada CUEPACS khususnya, kepada kaum pekerja dan kepada negara amnya.

28. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen CUEPACS ini.